

Beri peluang pelajar TVET ambil kursus 'micro-credentials'

oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR 06 April 2023 08:10pm **Masa membaca: 2 minit**



Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman pada sesi Dialog Siswa bersama Syed Saddiq di Kompleks Karangkraf yang dihoskan oleh Hazwan Mokhtar pada Khamis. SINAR HARIAN / MOHD RAFIQ REDZUAN HAMZAH

SHAH ALAM - Pelajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu diberi peluang untuk mengambil kursus 'micro-credentials' bagi membolehkan mereka menamatkan pengajian lebih awal.

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berpandangan perkara itu juga membolehkan mereka mempunyai pengkhususan tertentu dalam bidang berkenaan selepas menamatkan pengajian di sekolah menengah.

"Pada usia 17 hingga 18 tahun, pelajar ini tidak perlu lagi mengikuti pembelajaran am dan sudah ada pengkhususan tertentu sebagai contoh bidang reka grafik.

"Pembelajaran am hanya di peringkat sekolah menengah dan selepas itu sudah ada pengkhususan. Apabila sudah berumur 19 tahun mereka bukan hanya ada diploma tinggi (high diploma) tetapi pengkhususan tertentu dalam bidang TVET," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Dialog Siswa bersama Syed Saddiq yang dihoskan oleh Hazwan Mokhtar di Kompleks Karangkraf pada Khamis.

Pengerusi Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) itu berkata, jika dibandingkan sistem pendidikan di luar negara, ia dilihat lebih ke hadapan.

"Jadi kerajaan perlu mengutamakan kursus micro-credentials kepada pelajar TVET. Apabila habis sekolah menengah terus ambil pengkhususan dan kursus micro-credentials maka tak perlu lagi belajar di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) selama dua hingga tiga tahun.

"Sepatutnya pelajar ini diberi peluang ambil kursus micro-credentials selama tiga, enam atau sembilan bulan untuk belajar jadi pereka grafik dan kenapa perlu tunggu selama dua hingga tahun," soalnya.

Justeru, beliau berpandangan kerajaan seharusnya mengutamakan pendidikan TVET lebih awal kepada pelajar bagi meningkatkan taraf pendidikan pendidikan tersebut.